

EXTEMENT chewable tablets

Sildenafil citrate equivalent to sildenafil (50mg, 100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan EXTEMENT chewable tablets
2. Bagaimana EXTEMENT chewable tablets berfungsi
3. Sebelum mengambil EXTEMENT chewable tablets
4. Cara menggunakan EXTEMENT chewable tablets
5. Semasa menggunakan EXTEMENT chewable tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan EXTEMENT chewable tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan EXTEMENT chewable tablets

Rawatan untuk lelaki dengan masalah ketegangan, kadang-kadang dikenali sebagai mati pucuk. Ini adalah ketika seorang lelaki tidak boleh mengekalkan zakar yang keras dan ereksi yang sesuai untuk aktiviti seksual,

Bagaimana EXTEMENT chewable tablets berfungsi

EXTEMENT mengandungi sildenafil bahan aktif yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil phosphodiesterase type 5 (PDE5) inhibitor. Ia berfungsi dengan membantu untuk mengendurkan saluran darah di dalam zakar anda, melancarkan pengaliran darah ke dalam zakar anda apabila anda ghairah. EXTEMENT chewable tablets hanya akan membantu anda untuk mendapatkan ereksi jika anda dirangsang secara seksual.

Sebelum mengambil EXTEMENT chewable tablets

- Bila tidak boleh mengambil

- Hipersensitiviti kepada bahan aktif atau dengan mana-mana eksipien
- Aktiviti seksual adalah tidak digalakkan.
- Kehilangan penglihatan pada sebelah mata disebabkan oleh Non

Arteritic Anterior Ischaemic Optic Neuropati (NAION).

- Kemerosotan hepatic yang teruk, tekanan darah rendah, sejarah strok (baru-baru ini) atau infarksi miokardium dan penyakit degeneratif yang mempengaruhi retina yang disebabkan oleh keturunan.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan ubat over-the-counter, vitamin, dan suplemen herba.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Perencat CYP3A4 seperti Ketoconazole, erythromycin dan cimetidine.
- Ubat-ubat perencat protease HIV, seperti ritonavir, saquinavir.
- Antacid seperti magnesium hydroxide / aluminium hydroxide.
- Perencat CYP2C9 seperti tolbutamide, warfarin, phenytoin dan perencat CYP2D6 seperti thiazide.
- Rifampicin and barbiturates.
- Nicorandil dan nitrates lain
- Terapi Alpha-blocker

Cara menggunakan EXTEMENT chewable tablets

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Dos yang disyorkan ialah 50 mg. Tablet perlu dikunyah sebelum ditelan. Berdasarkan keberkesanan dan toleransi, dos boleh ditingkatkan kepada 100 mg atau berkurangan kepada 25 mg. Maksimum dos yang disyorkan ialah 100 mg. Maksimum kekerapan dos yang disyorkan ialah sekali setiap hari. Jika EXTEMENT diambil dengan makanan, bermulanya aktiviti boleh ditangguhkan berbanding keadaan puasa.

Dos untuk orang tua:

Pelarasan dos tidak diperlukan untuk pesakit tua.

- Bila perlu digunakan

Diambil seperti yang diperlukan kira-kira satu jam sebelum aktiviti seksual.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Anda boleh mengambil satu jam sebelum aktiviti seksual.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos melebihi 100 mg tidak meningkatkan keberkesanan. Hubungi doktor anda jika anda mengambil lebih tablet daripada yang diperlukan

Semasa menggunakan EXTEMENT chewable tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil 1 jam sebelum aktiviti seksual.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Anda tidak boleh menggunakan EXTEMENT dengan rawatan oral atau tempatan yang lain untuk mati pucuk.
- Anda tidak boleh mengambil EXTEMENT sekiranya anda tidak mempunyai masalah mati pucuk.
- EXTEMENT mengandungi Aspartame. Anda tidak boleh mengambil jika anda adalah pesakit phenylketonuria.
- EXTEMENT mengandungi lactose. Jika anda mewarisi masalah intoleransi galaktosa, Lapp kekurangan laktase atau glukosa-galaktosa malabsorption anda tidak boleh mengambil ubat ini.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Status jantung anda.
- Jika anda mempunyai kecacatan pada zakar
- Jika anda mempunyai sickle cell anemia (penyakit darah yang menyebabkan badan anda

menghasilkan sel darah merah yang berbentuk tidak normal), *multiple myeloma* (kanser yang menyerang sel plasma di sumsum tulang) dan leukemia.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *EXTEMENT chewable tablets* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

- Sakit kepala, kemerahan, ketidakcernaan, gangguan penglihatan, hidung tersumbat, pening dan rabun warna.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *EXTEMENT chewable tablets*

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

EXTEMENT 50mg chewable tablets:
Tablet berwarna putih, segi tiga, dwicembung, mencetak berukir dengan "50" pada satu belah.

EXTEMENT 100mg chewable tablets:

Tablet berwarna putih, segi tiga, dwicembung, mencetak berukir dengan "100" pada satu belah

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Sildenafil citrate equivalent to sildenafil

- Bahan tidak aktif

Polacrillin potassium, purified water, magnesium stearate, silica colloidal anhydrous, aspartame, croscarmellose sodium, peppermint flavor, lactose monohydrate, povidone K-30, hydrochloride acid/potassium hydroxide.

- Nombor MAL

EXTEMENT 50mg chewable tablets
MAL20126020AZ

EXTEMENT 100mg chewable tablets
MAL20126021AZ

Pengilang

Genepharm S.A.
18TH KM MARATHONOS AVE,
PALLINI ATTIKI, 15351, GREECE.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2
11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

22/07/2022

Nombor siri

NPRA (R2) 20/049